

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**HSC 223 - Sejarah Asia Timur**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja, **DUA [2]** dari Bahagian A dan **DUA [2]** dari Bahagian B.

**BAHAGIAN A**

1. “Zaman Chou Kemudian (770 SM – 221 SM) adalah zaman penentu dalam sejarah China. China tidak banyak berubah selepas tertegaknya kerajaan Ch’in pada 221 SM.” Bincangkan.
2. “Orang bukan-Cina dipandang rendah oleh orang-orang Cina. Mereka sentiasa tunduk kepada kehendak-kehendak Cina dan kecinaan dan tidak banyak memberi kesan kepada perkembangan sejarah negara dan bangsa China”. Nilai pandangan ini dengan merujuk kepada sejarah China sehingga awal kurun ke-19.
3. Jawab **SAMA ADA**
  - [a] Ulaskan secara bandingan tradisi pensejarahan tradisional China dan Jepun sebelum kurun ke-19.

**ATAU**

- [b] Ulaskan secara bandingan perkembangan, corak, dan kepentingan feudalisme dalam sejarah China dan Jepun sehingga pertengahan kurun ke-19.

4. “China tradisional adalah suatu entiti yang amat demokratik. Semua orang di China pada waktu itu mempunyai peluang yang sama untuk memegang jawatan dalam kerajaan dan meningkatkan kedudukan sosial masing-masing”. Beri ulasan anda.

**BAHAGIAN B**

5. “Tanpa pengaruh China, tidak wujud negara dan tamadun Jepun”. Bincangkan.
6. “Pada hakikatnya tiada suatupun yang asli berhubung agama Shinto”. Bincangkan.
7. Bagaimanakah perkembangan perbandaran memberi kesan kepada masyarakat feudal abad ke-15 hingga 17?
8. “Kadar celik huruf yang tinggi dan perkembangan sektor penerbitan di zaman Edo hanya memberi manfaat kepada penduduk bandar”. Bincangkan.